

CABARAN PEMBELAJARAN ATAS TALIAN DI RUMAH: TINJAUAN IBU BAPA MURID BERKEPERLUAN KHAS BERMASALAH PEMBELAJARAN**[CHALLENGES OF ONLINE LEARNING AT HOME: A SURVEY OF PARENTS OF STUDENTS WITH SPECIAL NEEDS WITH LEARNING DISABILITIES]**FARAH ADILA FAISAL^{1*} & MANISAH MOHD ALI¹

^{1*} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
Correspondent Email: mma@ukm.edu.my

*Received: 28 February 2022**Accepted: 9 March 2022**Published: 10 March 2022*

Abstrak: Perintah Kawalan Pergerakan telah dilaksanakan bermula 18 Mac 2020 yang mengarahkan semua institusi pendidikan di seluruh Malaysia ditutup. Pembelajaran atas talian di rumah adalah salah satu kaedah yang digunakan oleh guru bagi melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran di rumah. Namun begitu, cabaran ibu bapa dalam melibatkan diri dan menyediakan persekitaran pembelajaran di rumah yang kondusif dilihat akan menjadi punca utama masalah ketidakhadiran Murid Berkeperluan Khas Bermasalah Pembelajaran ke kelas pembelajaran atas talian di rumah. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh ibu bapa MBK bermasalah pembelajaran semasa pembelajaran atas talian di rumah. Teori yang digunakan bagi kajian ini ialah teori ekologi yang diperkenalkan oleh Uri Bronfenbrenner. Kajian ini melibatkan 80 orang ibu bapa MBK bermasalah pembelajaran yang mengikuti Program Pendidikan Khas Integrasi di sekolah. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan. Kesahan dan kebolehpercayaan data ini telah disahkan oleh dua orang pakar daripada bidang pendidikan khas dan pakar bahasa. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa cabaran yang paling utama adalah penglibatan ibu bapa MBK bermasalah pembelajaran semasa pembelajaran atas talian di rumah iaitu tidak mahir dalam penggunaan media sosial, e-mel dan platform pendidikan atas talian. Terhadap juga cabaran-cabaran lain yang dihadapi oleh ibu bapa MBK semasa pembelajaran atas talian di rumah. Cabaran penglibatan dan persekitaran yang diperolehi berdasarkan analisis kajian akan dapat membantu ibu bapa dalam mengatasinya lebih awal bagi memastikan MBK bermasalah pembelajaran dapat mengikuti pembelajaran atas talian dengan lebih baik.

Kata kunci: Cabaran, Pembelajaran Atas Talian, Ibu Bapa, Murid Berkeperluan Khas, Bermasalah Pembelajaran.

Abstract: The Movement Control Order was implemented on 18 March 2020, which ordered all educational institutions throughout Malaysia to be closed. Online learning was one of the methods used by the teachers to implement home-based teaching and learning. However, the parental challenge in engaging and providing a conducive learning environment at home was seen to be the main cause of absenteeism of Special Needs Students with Learning Difficulties to online classes at home. Therefore, this study was conducted to identify the challenges faced by parents of SNS with learning difficulties during online learning at home. Ecological theory by Uri Bronfenbrenner was used. This study involved 80 parents of SNS with learning difficulties who attended the Special Education Integration Program in schools. This study used a survey method. Data validity and reliability were confirmed by two experts from the field of special education and language. The results of the study found that the major challenge was the involvement of parents of SNS with learning difficulties during online learning at home, in

which they were not proficient to use social media, e-mail, and online educational platforms. There are also other challenges faced by SNS parents during online learning at home. The involvement and environmental challenges obtained based on the study analysis would help parents overcome the problems earlier on to ensure that SNS with learning difficulties could be better involved in online learning.

Keywords: Challenges, Online Learning, Parents, Students with Special Needs, Learning Difficulties.

Cite This Article:

Farah Adila Faisal & Manisah Mohd Ali. 2022 Cabaran Pembelajaran Atas Talian di Rumah: Tinjauan Ibu Bapa Murid Berkeperluan Khas Bermasalah Pembelajaran [Challenges of Online Learning at Home: A Survey of Parents of Students with Special Needs with Learning Disabilities]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 2(1), 129-141.

PENGENALAN

Dunia telah dikejutkan dengan wabak yang dikenali sebagai koronavirus novel (Covid-19) sehingga mengakibatkan semua sektor terkesan (Perutusan Khas Perdana Menteri Malaysia, 2020). Bersangkutan dengan itu, hampir 80% daripada populasi dunia iaitu 1.37 bilion pelajar daripada 138 buah negara dan 60.2 juta guru tidak dapat mengikuti pembelajaran bersemuka di dalam kelas akibat penutupan institusi pendidikan (UNESCO, 2020). Salah satu arahan yang telah dikeluarkan adalah berkaitan dengan pendidikan iaitu semua institusi pendidikan diarah tutup seperti sekolah kerajaan, taska dan sekolah swasta, institusi pendidikan menengah dan rendah dan pra universiti (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020). Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil langkah drastik dengan menggantikan kaedah pendidikan di Malaysia iaitu daripada kaedah bersemuka kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR). Guru boleh membuat pilihan sama ada ingin melaksanakan PdPR secara atas talian atau luar talian. Pembelajaran atas talian memerlukan dua jenis medium iaitu teknologi dan digital (Zhu, 2020). Medium digital merupakan bahan digital seperti video pengajaran, aplikasi dan lain-lain medium digital, manakala teknologi pula merupakan alat atau peranti yang digunakan bagi mendapatkan medium digital. Pembelajaran luar talian pula adalah pembelajaran yang dilakukan apabila murid belajar menggunakan peranti seperti komputer, komputer riba, tablet atau telefon pintar tanpa capaian internet (Zazila & Ahmad, 2021). Berdasarkan kenyataan tersebut, murid berkeperluan khas juga tidak terkecuali daripada pelaksanaan PdPR. Murid berkeperluan khas (MBK) adalah murid yang mempunyai perbezaan keupayaan dari segi pendengaran, penglihatan, pembelajaran dan ketidakupayaan fizikal (Norafifah & Hashim, 2017).

Penyertaan murid dalam pembelajaran atas talian telah membimbangkan para pendidik. Berdasarkan kajian yang dibuat oleh (Losius et al., 2020) mendapati bahawa masalah ketidakhadiran murid dalam pembelajaran atas talian menunjukkan peratusan yang tinggi. Perkara ini semakin membimbangkan apabila masih ramai ibu bapa yang kurang mengambil berat dan mengabaikan hal pendidikan anak mereka yang berkeperluan khas berbanding anak-anak yang lain (Siti & Zetty, 2018). Masalah ketidakhadiran murid dalam pembelajaran atas talian adalah disebabkan oleh beberapa faktor yang berlaku di rumah (Tamilnullai & Salini, 2021). Oleh itu, cabaran baharu yang menjadi faktor bagi ibu bapa MBK sepanjang PKP adalah memantau pembelajaran anak-anak di rumah kerana corak pembelajaran telah berubah iaitu

daripada pembelajaran secara konvensional di bilik darjah kepada pembelajaran atas talian di rumah. Capaian internet yang terhad merupakan salah satu cabaran yang menyumbang kepada masalah ketidakhadiran murid dalam pembelajaran atas talian (Tenh & Shahlan, 2021).

Persekitaran dalam keluarga adalah penyumbang terbesar terhadap perkembangan dan pembelajaran anak-anak (Asmawi & Farhah, 2020). Kenyataan itu juga disokong oleh (Suhaila dan Mistima, 2019) yang menyatakan bahawa persekitaran pembelajaran adalah aspek penting yang boleh dimanipulasi untuk menggalakkan penyertaan aktif dalam proses pembelajaran. Namun begitu, penglibatan ahli keluarga serta hubungannya dengan sekolah adalah persekitaran yang sesuai dikaitkan dengan penglibatan ibu bapa terhadap kanak-kanak MBK (Asmawi & Farhah, 2020). Kenyataan tersebut bersependapat dengan Epstein (2009) yang menyatakan bahawa penglibatan ibu bapa adalah sangat penting dalam pembelajaran dan sahsiah murid. Peranan keluarga dan kolaborasi antara ibu bapa dan pihak sekolah adalah sangat diperlukan bagi mencapai sesebuah matlamat kerana ibu bapa merupakan guru pertama bagi anak-anak yang akan mendidik anak-anak secara berterusan (Heather, 2009). Selain itu, latar belakang sosioekonomi murid yang berpendapatan rendah juga merupakan salah satu cabaran sehingga menyebabkan mereka keciciran dalam pelajaran. Ibu bapa yang berpendapatan dari kumpulan B40 iaitu pendapatan isi rumah kurang daripada RM3860.00 dan di bawah pendapatan garis kemiskinan akan mengutamakan aspek ekonomi berbanding pendidikan anak-anak (Zarinah et al., 2018).

Oleh itu, dapat dilihat bahawa terdapat pelbagai cabaran ibu bapa sama ada cabaran daripada aspek penglibatan atau persekitaran yang membawa kepada masalah ketidakhadiran murid ke kelas atas talian di rumah. Namun begitu kajian yang dijalankan tentang pembelajaran atas talian bagi ibu bapa murid berkeperluan khas adalah sangat kurang diperolehi. Oleh itu, kajian ini perlu dilakukan bagi mengenal pasti pelbagai cabaran yang dihadapi oleh ibu bapa murid berkeperluan khas dalam pembelajaran atas talian di rumah. Kajian akan berfokuskan kepada cabaran dari aspek penglibatan dan persekitaran ibu bapa MBK bermasalah pembelajaran di rumah..

TINJAUAN LITERATUR

Teori ekologi persekitaran telah diwujudkan oleh Urie Bronfenbenner (1979) yang berpendapat bahawa persekitaran berkait rapat dengan perkembangan seseorang individu. Oleh itu, beliau telah menyenaraikan lima sistem iaitu mikrosistem, mesosistem, ekosistem, makrosistem dan kronosistem yang akan mempengaruhi penglibatan anak-anak semasa mengikuti pembelajaran atas talian di rumah. Ibu bapa merupakan individu yang paling dekat dengan anak-anak dan salah satu pengaruh yang terlibat dalam sistem mikrosistem. Penglibatan ibu bapa sebagai keluarga atau komuniti memainkan peranan yang penting dalam penyediaan persekitaran pembelajaran yang kondusif untuk anak-anak (Epstein & Salinas, 2004). Ramakanta dan Sonali (2020) menyatakan bahawa pembelajaran atas talian akan berkesan jika ibu bapa memberi sokongan kepada anak-anak. Kenyataan itu turut disokong oleh dapatan (Irfan & Hermawan, 2020) yang mendapati bahawa ibu bapa yang tidak memberi sokongan kepada anak-anak

mereka untuk belajar dari rumah menyebabkan anak-anak mereka tidak mengikuti sesi pembelajaran atas talian.

Mesosistem adalah sistem yang melibatkan latar belakang individu yang berada di sekeliling anak-anak iaitu pekerjaan ibu bapa, pendidikan ibu bapa, tahap kesihatan dan sebagainya yang berkaitan dengan individu tersebut. Latar belakang murid yang mempunyai keluarga berpendapatan tinggi lebih bersedia untuk mengikuti pembelajaran atas talian berbanding murid yang berpendapatan rendah (Suhaila & Mistima, 2019). Kenyataan ini turut diperolehi oleh (Fairuz et al., 2020) dalam kajiannya yang mendapati bahawa faktor sosioekonomi mengganggu murid untuk mengikuti pembelajaran atas talian di rumah. Ibu bapa memerlukan sumber pendapatan yang tinggi bagi menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif seperti alat peranti iaitu telefon pintar, komputer, tablet dan peranti teknologi lain yang diperlukan dalam pembelajaran. Murid dari kumpulan B40 di mana pendapatan isi rumah kurang daripada RM3860 dan di bawah garis kemiskinan mengalami kekangan untuk mengikuti pembelajaran atas talian kerana berkemungkinan tidak mempunyai sebarang alat telekomunikasi untuk meneruskan pembelajaran kerana pendapatan ibu bapa lebih kepada menyara isi rumah (Rohaida et al., 2020).

Kajian (Losius et al., 2020) telah mendapati bahawa hanya 10.1% sahaja ibu bapa yang tidak memiliki telefon pintar tetapi peratusan yang tinggi terhadap ibu bapa yang tidak mempunyai data dan kurang mahir menggunakan aplikasi telefon pintar untuk pembelajaran adalah tinggi iaitu 39.2% dan 34.1%. Telefon pintar boleh dibeli dengan pelbagai pakej yang telah diberikan oleh pihak kerajaan untuk golongan B40 tetapi data bulanan yang ingin digunakan memerlukan kos yang tinggi telah menyebabkan ibu bapa sukar untuk menyediakan kemudahan tersebut kepada anak-anak. Implikasinya adalah terhadap murid kerana tidak dapat mengikuti pembelajaran atas talian di rumah bersama guru dan rakan-rakan yang lain. Sehubungan itu, penglibatan murid dalam kelas secara atas talian di rumah akan berkurang secara berterusan jika tidak dibendung dengan lebih awal.

United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization UNESCO (2018) telah menyatakan bahawa tahap pendidikan adalah suatu set program pendidikan yang tersusun berdasarkan hubungan antara pengetahuan, pembelajaran, kemahiran dan kecekapan supaya dapat diperkembangkan dengan seimbang. Pendidikan ibu bapa yang tinggi sentiasa memberikan imbuhan kepada anak-anak cemerlang dalam pendidikan (Eshetu, 2015). Kenyataan ini turut disokong oleh Kapinga (2014) dalam kajiannya mendapati bahawa ibu bapa yang berpendidikan tinggi lebih prihatin dan tahu tentang kepentingan memberikan ganjaran kepada anak-anak agar terus cemerlang sebagai motivasi pelajaran. Selain itu, Kainuwa & Joseph (2013) turut menyatakan bahawa ibu bapa yang berpendidikan tinggi mampu menjadi guru kepada anak-anak di rumah secara akademik kerana mereka mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang baik. Dalam konteks ini akan mewujudkan persekitaran yang kondusif terhadap anak-anak ketika mengikuti pembelajaran atas talian di rumah.

Pembelajaran atas talian adalah sebuah kaedah pembelajaran yang menggunakan teknologi sebagai alat untuk menyampaikan pengajaran (Norliza, 2013). Malahan ada yang berpendapat bahawa pembelajaran atas talian adalah sebuah pembelajaran sendiri yang akan melahirkan murid inovatif, berdikari dan lebih fleksibel (Vespanathan, 2015). Dalam konteks tersebut, murid bebas menentukan apa yang ingin dipelajari di mana-mana sahaja serta perlu bersedia untuk melakukan aktiviti yang terdapat dalam pembelajaran atas talian bersama guru

dan rakan-rakan yang lain (Baharuddin et al., 2010). Selain itu, (Azman et al., 2021) dalam kajiannya mendapati bahawa murid bermasalah pembelajaran yang rendah akan mempunyai masalah tingkah laku yang akan menyebabkan mereka mempunyai masalah untuk belajar secara atas talian dan memerlukan komitmen daripada ibu bapa untuk memantau sesi pembelajaran mereka. Tambahannya lagi, bahan bantu mengajar (BBM) dan teknik yang sesuai sangat diperlukan dalam pembelajaran atas talian mengikut kesesuaian dan keupayaan murid bermasalah pembelajaran tersebut.

Pembelajaran atas talian adalah didapati lebih relevan, fleksibel dan memberi kebebasan kepada murid untuk melaksanakan pembelajaran di rumah (Zoraini, 2008). Walaubagaimanapun terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi oleh murid itu sendiri sepanjang pembelajaran atas talian. Antara cabaran utama yang diperolehi dalam kajian (Losius et al., 2020) adalah masalah komunikasi antara guru dengan murid. Dapatan tersebut turut disokong oleh Nurbaizura dan Nurafradilla (2020) dalam kajiannya mendapati bahawa cabaran guru dalam melaksanakan pembelajaran atas talian di rumah semasa tempoh pandemik Covid-19 ialah kesukaran mewujudkan komunikasi dua hala bersama murid. Selain itu, cabaran lain yang tersenarai dalam kajian (Losius et al., 2020) adalah tiada telefon pintar, tiada bahan rujukan, tidak mahir merujuk bahan dan akhirnya akan membawa kepada tidak mengikuti pembelajaran atas talian. Murid akan bertindak untuk tidak menghantar tugas yang diberikan oleh guru akibat daripada permasalahan yang dihadapinya.

Bagi murid sekolah, ibu bapa perlu bertanggung jawab dalam mendidik anak-anak untuk memperolehi hasil pembelajaran dalam pendidikan dengan membantu menyediakan jadual waktu kepada anak-anak supaya anak-anak dapat mengikutinya (Nazirah & Masayu, 2020). Pelbagai tekanan seperti penyakit, kehilangan pekerjaan dan hubungan yang tidak baik juga akan menyebabkan ibu bapa merasakan bahawa mereka tidak dapat membantu anak-anak dengan berkesan dalam pembelajaran atas talian (Bubb & Jones, 2020). Dapatan kajian (Rogers & Shwetlena, 2020) telah menunjukkan bahawa keluarga yang berpendapatan tinggi dan tahap pendidikan ibu bapa yang lebih tinggi mampu mengatasi cabaran dan merasa selesa dengan pembelajaran atas talian. Namun begitu, terdapat juga ibu bapa yang berkerjaya terpaksa mengambil cuti tanpa gaji bagi memenuhi keperluan anak mereka (Kartini et al., 2019).

Selain itu, hasil pembelajaran yang berbeza-beza berdasarkan tahap pengetahuan ibu bapa akan memberi impak kepada murid pada masa akan datang. Cabaran ini akan lebih terkesan apabila ibu bapa tidak dapat melibatkan diri dan menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif seperti penyediaan alat teknologi kepada anak-anak untuk mengikuti pembelajaran atas talian. Permasalahan yang berbeza dari segi persekitaran murid telah menyebabkan terdapat keperluan untuk mengenal pasti cabaran penglibatan dan persekitaran utama ibu bapa dalam memastikan anak-anak mengikuti pembelajaran atas talian dengan lebih baik.

METODOLOGI

Populasi kajian ini terdiri daripada ibu bapa yang mempunyai anak berkeperluan khas. Sampel kajian terdiri daripada 80 orang ibu bapa atau penjaga kepada anak berkeperluan khas yang belajar di dalam kelas Pendidikan khas bermasalah pembelajaran. Sampel kajian dipilih berdasarkan jadual saiz sampel kajian oleh Krejcie dan Morgan (1970). Kaedah persampelan

yang digunakan dalam kajian ini adalah persampelan bertujuan. Persampelan bertujuan adalah suatu kaedah yang paling sesuai digunakan kerana pengkaji hanya memilih ibu bapa yang mengikuti kelas pendidikan khas bermasalah pembelajaran di sekolah. Selain itu, persampelan bertujuan dipilih supaya data yang diperolehi lebih tepat bagi menjawab soalan-soalan kajian serta memudahkan proses pengumpulan data (Shahabuddin et al., 2007). Sampel kajian dipilih adalah melibatkan ibu bapa yang mempunyai anak berkeperluan khas dan belajar dalam kelas pendidikan khas bermasalah pembelajaran di sekolah serta berumur tidak melebihi 19 tahun. Hal ini kerana had umur bagi murid yang mengikuti kelas pendidikan khas adalah berumur 6 tahun hingga 19 tahun. Oleh itu, ibu bapa yang mempunyai anak-anak MBK dalam lingkungan umur tersebut akan dijadikan sebagai sampel kajian ini.

Kajian ini menggunakan satu set soal selidik sebagai instrumen kajian. Kajian rintis dijalankan terlebih dahulu bagi menentukan nilai kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian serta mengukur tahap ketekalan item. Responden kajian rintis adalah mencukupi seramai 6 hingga 10 orang bagi memenuhi perbincangan awal yang berkesan tentang instrumen yang diguna pakai oleh pengkaji (Najib Abdul Ghafar, 1999). Oleh itu, kajian rintis dijalankan terhadap 10 orang ibu bapa yang mempunyai anak berkeperluan khas di salah sebuah sekolah pendidikan khas. Data bagi kajian utama dikumpul selama seminggu melalui aplikasi Whatsapp. Setiap responden akan diberikan satu set soal selidik dalam bentuk google form yang diadaptasi bagi mendapatkan maklumat mengenai cabaran ibu bapa murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran semasa pembelajaran atas talian di rumah. Pengumpulan data kuantitatif yang dilakukan melalui soal selidik dianalisis dengan ujian statistik yang bersesuaian (Creswell, 2012). Menurut Gravetter dan Wallnau (2015), analisis statistik deskriptif merupakan prosedur statistik yang digunakan untuk merumus dan membuat kesimpulan kajian. Oleh itu, kesemua data dikumpul dan dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif..

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini berfokuskan kepada ibu bapa murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran. Seramai 80 orang telah terlibat di dalam kajian ini. Jadual 4.1 menunjukkan taburan demografi responden. Hasil dapatan mendapati jumlah responden yang paling ramai adalah dalam kalangan ibu, manakala dalam kalangan penjaga yang paling sedikit. Umur responden yang paling ramai adalah dalam lingkungan umur 40 – 49 tahun. Tahap pendidikan responden pula yang paling tinggi peratusannya adalah di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia berbanding peratusan paling rendah iaitu Sarjana/Doktor Falsafah. Pendapatan responden pula dapat dilihat dengan jelas bahawa keluarga yang berpendapatan dalam lingkungan RM2000 dan ke bawah lebih tinggi berbanding pendapatan dalam lingkungan RM5000 ke atas. Jantina anak responden mendapati bahawa bilangan murid lelaki lebih ramai berbanding murid perempuan.

Jadual 4.1 Taburan Demografi Responden

	Bilangan	Peratus
Hubungan dengan anak		
Ibu	43	53.8

Bapa	22	27.5
Penjaga	15	18.8
Umur		
20 - 29 tahun	3	3.8
30 - 39 tahun	17	21.3
40 - 49 tahun	44	55.0
50 tahun ke atas	16	20.0
Tahap pendidikan		
SPM	58	72.5
Diploma	13	16.3
Ijazah	8	10.0
Sarjana / Doktor Falsafah	1	1.3
Pendapatan		
RM2000 ke bawah	45	56.3
RM2001 - RM3000	10	12.5
RM3001 - RM5000	20	25.0
RM5001 ke atas	5	6.3
Jantina anak		
Lelaki	42	52.5
Perempuan	38	47.5
Umur anak		
7 - 12 tahun	12	15.0
13 - 19 tahun	68	85.0

Hasil kebolehpercayaan alfa Cronbach bagi cabaran ibu bapa murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran semasa pembelajaran atas talian di rumah dipaparkan dalam Jadual 4.2.

Jadual 4.2 Kebolehpercayaan Data Sebenar

Pemboleh ubah	Alfa Cronbach	Bilangan Item
Cabaran penglibatan	0.790	6
Cabaran persekitaran	0.838	6
Keseluruhan cabaran ibu bapa	0.867	12

Jadual 4.2 di atas menunjukkan kebolehpercayaan bagi cabaran penglibatan dan cabaran persekitaran ibu bapa MBK semasa pembelajaran atas talian di rumah adalah masing-masing 0.790 (6 item) dan 0.838 (6 item). Manakala alfa Cronbach bagi keseluruhan pula adalah 0.867

(12 item). Maka, jadual alfa Cronbach di atas menunjukkan bahawa instrumen yang digunakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh diterima.

Cabaran Penglibatan Ibu Bapa MBK Masalah Pembelajaran Semasa Pembelajaran Atas Talian Di Rumah

Jadual 4.3 menunjukkan skor kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai bagi setiap item cabaran penglibatan ibu bapa murid berkeperluan has semasa pembelajaran atas talian di rumah. Berdasarkan hasil dapatan ini, item B6 iaitu "*Pada pendapat saya, ketiadaan mentor/pembimbing merupakan cabaran dalam melibatkan diri semasa pembelajaran atas talian bagi anak saya di rumah.*" mencatatkan min yang tertinggi dengan nilai (min = 3.93, SP = 0.591). Manakala, item B2 iaitu "*Pada pendapat saya, kekurangan komunikasi dan kerjasama antara guru dan ibu bapa merupakan cabaran dalam melibatkan diri semasa pembelajaran atas talian bagi anak saya di rumah.*" mencatatkan min yang terendah dengan nilai (min = 3.64, SP = 0.889). Secara keseluruhannya menunjukkan skor cabaran penglibatan ibu bapa murid berkeperluan Khas semasa pembelajaran atas talian di rumah adalah mencatatkan min sebanyak 3.79 dan sisihan piawai 0.550.

Jadual 4.3 Cabaran Penglibatan Ibu Bapa MBK Semasa Pembelajaran Atas Talian Di Rumah

No	Pernyataan	Min	SP
1.	Cabaran Penglibatan Ibu Bapa MBK Masalah Pembelajaran Semasa Pembelajaran Atas Talian Di Rumah	3.79	0.550

Cabaran Persekitaran Ibu Bapa MBK Semasa Pembelajaran Atas Talian Di Rumah

Jadual 4.4 menunjukkan skor kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai bagi setiap item cabaran persekitaran ibu bapa murid berkeperluan khas semasa pembelajaran atas talian di rumah. Berdasarkan hasil dapatan ini, item C1 iaitu "*Pada pendapat saya, capaian internet yang terhad merupakan cabaran semasa pembelajaran atas talian bagi anak saya di rumah.*" mencatatkan min yang tertinggi dengan nilai (min = 4.21, SP = 0.688). Manakala item C6 iaitu "*Pada pendapat saya, kebolehan anak untuk menggunakan pelbagai jenis alat teknologi merupakan cabaran semasa pembelajaran atas talian bagi anak saya di rumah.*" pula mencatatkan min yang terendah dengan nilai (min = 3.95, SP = 0.794). Secara keseluruhannya menunjukkan skor cabaran persekitaran ibu bapa murid berkeperluan khas semasa pembelajaran atas talian di rumah adalah mencatatkan min sebanyak 4.02 dan sisihan piawai 0.584.

Jadual 4.4 Cabaran Persekitaran Ibu Bapa MBK Bermasalah Pembelajaran Semasa Pembelajaran Atas Talian Di Rumah

No	Pernyataan	Min	SP
1.	Cabaran Persekitaran Ibu Bapa Murid Berkeperluan Khas Semasa Pembelajaran Atas Talian di Rumah	4.02	0.584

PERBINCANGAN

Hasil dapatan kajian ini berjaya mengenal pasti cabaran utama yang menjadi penyumbang kepada permasalahan ibu bapa MBK bermasalah pembelajaran semasa pembelajaran atas talian di rumah. Kebiasaannya kajian-kajian lepas adalah lebih berfokus kepada arus perdana iaitu murid tipikal. Namun begitu, kajian ini lebih berfokus kepada ibu bapa murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran iaitu jarang dilakukan oleh pengkaji lain. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa cabaran ibu bapa MBK bermasalah pembelajaran yang tertinggi semasa pembelajaran atas talian di rumah adalah ketiadaan mentor/pembimbing dan capaian internet yang terhad. Walaubagaimanapun, terdapat juga cabaran lain yang dihadapi oleh ibu bapa murid berkeperluan khas seperti tidak mempunyai telefon, komputer, riba, tablet atau sebarang peranti lain serta kesibukan ibu bapa yang bekerja sehingga menyebabkan ibu bapa sukar untuk memastikan anak berkeperluan khas dapat mengikuti pembelajaran atas talian mengikut jadual sepatutnya. Namun begitu, cabaran-cabaran yang diterima oleh setiap ahli keluarga adalah berlainan bergantung kepada jenis ketidakupayaan anak dan struktur demografi keluarga itu sendiri (Saiful et al., 2019).

Berdasarkan hasil dapatan ini, ketiadaan mentor atau pembimbing merupakan cabaran utama dalam melibatkan diri semasa pembelajaran atas talian bagi murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran di rumah. Namun begitu, kajian yang telah dijalankan oleh Tenh dan Shahlan (2021) mendapati bahawa ketiadaan mentor atau pembimbing bukanlah halangan utama dalam melibatkan diri semasa pembelajaran atas talian. Hal ini membuktikan bahawa ibu bapa dan murid berkeperluan khas lebih memerlukan mentor atau pembimbing semasa pembelajaran atas talian di rumah berbanding murid tipikal yang lain. Selain itu, capaian internet yang terhad juga merupakan cabaran utama semasa pembelajaran atas talian di rumah. Dapatan ini selari dengan kajian (Losius et al., 2020) yang mengkaji cabaran pelaksanaan pembelajaran jarak jauh terhadap ibu bapa mendapati bahawa cabaran ibu bapa yang tidak mempunyai data menunjukkan peratusan yang tertinggi iaitu 39.2%. Kesan akibat daripada capaian internet yang tidak mencukupi akan menyumbang kepada masalah kehadiran semasa pembelajaran atas talian di rumah (Elena et al, 2021). Ibu bapa tidak dapat menyediakan data yang mencukupi kepada anak-anak kerana pendapatan responden kajian yang paling tinggi adalah dalam lingkungan RM2000 dan ke bawah. Dapatan ini juga selari dengan (Fairuz et al., 2020) yang menyatakan bahawa faktor sosioekonomi mengganggu murid untuk mengikuti pembelajaran atas talian di rumah. Tambahan lagi, (Rohaida et al., 2020) turut mendapati bahawa murid dari kumpulan B40 di mana pendapatan isi rumah kurang daripada RM3860 dan di bawah garis kemiskinan mengalami kekangan untuk mengikuti pembelajaran atas talian kerana berkemungkinan tidak mempunyai sebarang alat telekomunikasi untuk meneruskan pembelajaran kerana pendapatan ibu bapa lebih kepada menyara isi rumah.

Melalui kajian ini, ramai ibu bapa yang telah menyatakan bahawa masalah kewangan yang dihadapi sepanjang tempoh pandemik ini telah menyukarkan ibu bapa untuk menyediakan persekitaran yang kondusif kepada anak-anak berkeperluan khas. Pelbagai tekanan seperti penyakit, kehilangan pekerjaan dan hubungan yang tidak baik juga akan menyebabkan ibu bapa merasakan bahawa mereka tidak dapat membantu anak-anak dengan berkesan dalam pembelajaran atas talian (Bubb & Jones, 2020). Hal ini akan menyebabkan murid berkeperluan khas tidak dapat hadir ke kelas atas talian di rumah. Oleh itu, guru perlu mengambil langkah yang sepatutnya dalam melaksanakan pelbagai kaedah bagi memastikan hak kesamarataan dalam pendidikan diperolehi oleh semua murid. Pembelajaran atas talian yang berkesan adalah pembelajaran yang melibatkan kesemua murid yang aktif sepanjang pembelajaran berlangsung. Selain itu, guru juga perlu mengambil kira pelbagai cabaran sebelum menjalankan sesuatu sesi pembelajaran terhadap murid. Setiap cabaran ibu bapa perlu diteliti dengan lebih mendalam supaya dapat membantu daripada pelbagai aspek bagi memperoleh hasil yang lebih baik dan bermanfaat kepada murid berkeperluan khas sekaligus mencapai pendidikan yang berkualiti pada masa akan datang.

Kajian ini juga memberi pendedahan tentang peranan ibu bapa dalam menghadapi cabaran yang mendatang. Antara peranan ibu bapa yang dapat dilihat adalah berusaha dalam mewujudkan komunikasi dua hala dengan guru bagi memastikan MBK mendapat hasil pembelajaran yang baik. Hal ini kerana salah satu cabaran guru dalam melaksanakan pembelajaran atas talian di rumah semasa tempoh pandemik Covid-19 ialah kesukaran mewujudkan komunikasi dua hala bersama murid (Nurbaizura & Nurafradilla, 2020). Selain itu, peranan ibu bapa dalam melibatkan diri sama ada secara langsung atau tidak langsung juga adalah sangat penting bagi menyokong perkembangan pembelajaran anak-anak. Apabila sokongan dan motivasi ibu bapa itu sendiri tidak begitu kukuh, maka ibu bapa juga tidak akan meletakkan usaha yang sepenuhnya untuk mewujudkan kaedah dan suasana pembelajaran yang bermakna (Maisarah & Syazwa, 2021). Oleh itu, dapat dilihat bahawa ibu bapa perlu memainkan peranan yang tinggi bagi memastikan perkembangan anak-anak lebih baik dari semasa ke semasa.

Secara kesimpulannya dapat dilihat bahawa terdapat pelbagai cabaran ibu bapa murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran semasa pembelajaran atas talian di rumah. Antara cabaran yang boleh disenaraikan adalah ketiadaan mentor atau pembimbing, capaian internet yang terhad, kekurangan komunikasi dua hala antara pihak sekolah dan ibu bapa, sosioekonomi yang rendah, ketiadaan peranti dan lain-lain yang menjadi penyumbang kepada masalah ketidakhadiran murid ke kelas pembelajaran atas talian di rumah. Cadangan akan datang adalah kajian diperluaskan kepada kategori MBK yang lain seperti pendengaran dan penglihatan. Selain itu, pengkaji juga boleh menjadikan guru sebagai responden kajian. Melalui kajian yang dijalankan akan dapat melihat cabaran dalam kalangan guru pula tentang pembelajaran atas talian bagi murid berkeperluan khas. Cadangan lain bagi kajian lanjutan juga boleh diperluaskan kepada peranan ibu bapa dalam menyediakan persekitaran yang kondusif terhadap murid berkeperluan khas. Melalui kajian tersebut dapat mendedahkan peranan ibu bapa dengan lebih mendalam terhadap murid berkeperluan khas semasa pembelajaran atas talian.

RUJUKAN

- Ahmad Asmawi Mat Salim & Khairul Farhah Khairudin. 2020. Penglibatan ibu bapa dalam Pendidikan murid berkeperluan khas. *Jurnal Dunia Pendidikan* 2(1): 265-282.
- Azman, N., & Mohd Yusoff, H. 2018. Pencapaian Akademik Murid Lelaki dan Perempuan: Peranan Sokongan Pembelajaran dan Keterlibatan Murid. *Malaysian Journal of Learning and Instruction* 15(2): 257-287.
- Baharudin, H. H., Masnan, A. H., & Zain, A. 2021. Learning Module Development using Android Technology Application based on Interactive White Board on Preschool Reading Proficiency: Theoretical framework review. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI* 14(1): 1-14.
- Bronfenbrenner, U. 1979. *The Ecology of human development: Experiments by nature and design*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Creswell, J. W. 2012. *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. In Educational Research.
- Epstein, J.L. 2009. *In School, family, and community partnerships: Your handbook for action (3rd ed.)*. USA: Corwin Press.
- Epstein, J.L. & Salinas, K.C. 2004. Partnering with families and communities. *Educational leadership: journal of the Department of Supervision and Curriculum Development, N.E.A* 61(8): 12-18.
- Eshetu, A.A. 2015. The impact of attending pre-school education on later academic achievement of students: Empirical evidences from Dessie, Ethiopia. *Basic Research Journal of Education Research and Review* 4(3): 72-80.
- Gravetter, F. J., & Wallnau, L. B. 2015. *Statistic for the Behavioral Sciences*. Canada: Cengage Learning.
- Kapinga, O.S. 2014. The impact of parental socioeconomic status on students' academic achievement in secondary schools in Tanzania. *International Journal of Education* 6(4): 120.
- Kainuwa, A. & Mohd. Joseph N. 2013. Influence of Socio-Economic and Educational Background of Parents on Their Children's Education in Nigeria. *International Journal of Scientific and Research Publications* 3(10).
- Irfan Fauzi & Iman Hermawan Sastra Khusuma. 2020. Teachers' elementary school in online learning of COVID-19 pandemic conditions. *Jurnal Iqra': Kajian Ilmu Pendidikan*, 5(1): 58-70.
- Jones, M., Bubb, S. 2020. Student voice to improve schools: Perspectives from pupils, teachers and leaders in 'perfect' conditions. *Sage Journals* 24(3): 233-244.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2020. *Surat siaran KPM Bilangan 3 Tahun 2020: Garis Panduan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Akibat Penularan Jangkitan Covid-19 bertarikh 27 Mac 2020*.
- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). 2020. *Kes Covid di Malaysia*. Diperoleh dari <http://covid19.moh.gov.my/>.
- Kartini Ilias, Cornish, K., Park, M. S. A., Hasnah Toran, & Golden, K. J. 2019. Risk and resilience among mothers and fathers of primary school-age children with ASD in

- Malaysia: A qualitative constructive grounded theory approach. *Frontiers in Psychology* 9: 2275-2294.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 30: 607-610.
- Losius, G., Ahsly, K., Marcelus, J. & Nazarius G. Y. 2020. *Cabaran pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran jarak jauh semasa Perintah Kawalan Pergerakan*. Pejabat Pendidikan Daerah Ranau. Sabah. 6 Mei.
- Maisarah Mohd Alim & Syazwa Hazwani Zaini. 2021. Persepsi ibu bapa terhadap kaedah bermain dalam pembelajaran matematik awal kanak-kanak di rumah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan* 10(2): 1-15.
- Mohd Fairuz Jafar, Zetty Akmar Amran, Mohd Faiz Mohd Yaakob, Mat Rahimi Yusof & Hapini Awang. 2020. Kesiediaan pembelajaran dalam talian semasa pandemik Covid-19. *Prosiding Seminar Darulaman 2020 Peringkat Kebangsaan*, hal. 404-410.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. 1999. *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.
- Norafifah Bali & Mohamad Hashim Othman. 2017. Keterlibatan dan Kompetensi Kaunseling Multibudaya Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Terhadap Murid Berkeperluan Khas. *Journal home page* 2(1).
- Norliza, A.R. 2013. Penggunaan Mobile Learning (M-Learning) Untuk Tujuan Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan UTHM. *Thesis*, 43.
- Nor Suhaila Abdul & Siti Mistima Maat. 2019. Pengaruh persekitaran pembelajaran terhadap kesedaran metakognitif dalam kalangan pelajar sekolah menengah. *Journal of Education and Pedagogy (IJEAP)* 1(1): 12-21.
- Nur Hazirah & Masayu Dzainudin. 2020. Pengajaran dan pemudahcaraan dalam talian semasa perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan Special Issue(9)*: 18- 28.
- Rogers, H.; Shwetlena, S. *The COVID-19 Pandemic: Shocks to Education and Policy Responses*; World Bank: Washington, DC, USA, 2020.
- Rohaida Mazlan, Norziah Amin, Mohd Zaki Abd. Rahman & Zamri Mahamod. 2020. Tahap penguasaan membaca dan menulis murid B40 dari perspektif guru bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 10(2): 54-73.
- Rohayati Junaidi, Tengku Intan Marlina & Madiawati Mamat. 2020. Pandemik COVID-19 dalam persekitaran kanak-kanak menerusi engkaulah adiwiraku. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature* 11: 31-45.
- Ramakanta, M. & Sonali, S.S. 2020. *E-Readiness and Perception of Student Teachers' Towards Online Learning in the Midst of COVID-19 Pandemic*. Available at SSRN 3666914. Pandangan Guru Terhadap Pembelajaran dalam Talian melalui pendekatan Home Based Learning (HBL) semasa tempoh Pandemik COVID-19.
- Rogers, H. & Shwetlena, S. 2020. *The COVID-19 Pandemic: Shocks to Education and Policy Responses*. World Bank: Washington.
- Siti Muhibah, H. N., & Zetty N., R. 2018. Peranan dan cabaran guru-guru pendidikan khas membentuk kemenjadian murid-murid masalah pendengaran dalam abad ke 21. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs* 1(1): 1-8.

- Siti Norbaizura Che Azizan & Nurfaradilla Mohamad Nasri. 2020. Pandangan Guru Terhadap Pembelajaran dalam Talian Melalui Pendekatan Home Based Learning (HBL) Semasa Tempoh Pandemik COVID 19. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature* 11: 46-57.
- Tamilmullai, T. & Salini Baloh. 2021. Cabaran pdpr Bahasa Tamil di sekolah luar bandar. *Muallim Journal of Social Science & Humanities* 11(2): 183-190.
- Tenh, C.H. & Shahlan Surat. 2021. Ibu bapa terhadap pembelajaran atas talian berdasarkan tahap kepuasan dan halangan yang dihadapi. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)* 1(4): 1-15.
- UNESCO. 2020. *1.37 Billion Students Now Home As COVID-19 School Closures Expand, Ministers Scale Up Multimedia Approaches To Ensure Learning Continuity*. Unesco.
- Vespanathan. 2015. *Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam kalangan guru-uuru mata pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah rendah luar bandarnegeri Johor*. Laporan Projek Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Zarinah Arshat, Farah Syuhada Pai & Zanariah Ismail. 2018. Keluarga B40: Tekanan dan Kekuatan. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences* 10(1): 91-102.
- Zhu, X. 2020. Building up National Online Teacher Education System. *Research in Education Development* 40(2): 3.
- Zaliza Shafinas Zaharon Lai & Ahmad Nurzid Rosli. 2021. Keberkesanan Penggunaan Video Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Tahun 6 Semasa Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR). *Journal of ICT in Education (JICTIE)* 8(3): 76-99.